



KENYATAAN MEDIA

19 MAC 2019

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.

T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

ST Anjur Program Tanggungjawab Sosial Korporat '*Fabric RE-cycling*'

Putrajaya, 19 Mac – Suruhanjaya Tenaga (ST) hari ini telah melancarkan program tanggungjawab sosial korporat '*Fabric RE-cycling*'.

Sebagai permulaan bagi program ini, ASWARA telah dipilih sebagai institusi pengajian tinggi pertama yang menerima tajaan *Recycle Bin* daripada ST. Selain di Aswara, beberapa *Recycle Bin* juga akan ditempatkan di Ibu Pejabat ST dan secara berperingkat di empat (4) institusi pengajian tinggi lain, yang akan diumumkan kemudian. *Recycle Bin* yang ditempatkan di Ibu Pejabat ST juga merupakan yang pertama di Putrajaya.

Program ini adalah penting dalam mendidik masyarakat Malaysia mengenai cara betul mengitar semula pakaian-pakaian, untuk mengurangkan jumlah pembuangan sisa pepejal isirumah serta mengelakkan pencemaran, sekaligus membantu dalam mempelbagaikan sumber bahan api untuk penjanaan tenaga.

“Program ini merupakan sebahagian dari inisiatif tanggungjawab sosial korporat ST dimana fokus diberikan kepada aspek kelestarian tenaga, pemuliharaan alam sekitar dan kebijakan masyarakat. Program tanggungjawab sosial korporat ini di bahagikan kepada tiga segmen utama iaitu kitar semula (*RE-cycle*), alam sekitar (*RE-nature*) dan masyarakat setempat (*RE-sustain*),” menurut Kamarul Ariffin Ibrahim, Pengarah Perancangan Strategik dan Komunikasi ST.

Program ini dianjurkan secara usahasama dengan Klooth Malaysia Sdn Bhd, sebuah badan yang mempelopori inisiatif kitar semula fabrik di Malaysia. Ianya telah berjaya mengumpul lebih daripada 80,000kg fabrik untuk dikitar semua, yang kemudiannya akan dibahagikan mengikut kategori, warna dan jenis kain untuk menentukan nilai fabrik tersebut.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Fabrik yang masih berkeadaan baik akan disumbangkan ke rumah kebajikan yang memerlukan, dan selebihnya akan dijadikan kain pembersihan bagi sektor industri ataupun sebagai *Refuse -Derived Fuel (RDF)*, sebagai alternatif bahan api.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Siti Suhaila Ahmad/Zairulliati Mali/Harith Safruddin

Unit Komunikasi Korporat

Tel: 03 8870 8500/03 8870 8554/03 8870 8598/03 8870 8661/013 2183778 (Zairulliati)

Faks: +603 8888 8636

Emel: sitisuhaila@st.gov.my/zairulliati@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.